

17 DEC 2003

Politik (Sorotan)

PERUBAHAN PIMPINAN BN TUMPUAN TAHUN INI

Oleh: Jamaluddin Mohamad

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Perubahan pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) serta tiga parti komponennya menjadi tumpuan utama dalam senario politik negara pada tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambilalih pucuk pimpinan negara apabila Datuk Seri (kini Tun) Dr Mahathir Mohamad bersara daripada semua jawatan kerajaan dan politik pada 31 Okt setelah berkhidmat selama 22 tahun dan Majlis Tertinggi BN yang bermesyuarat seminggu kemudian sebulat suara mengesahkan Abdullah sebagai pengerusinya.

Abdullah turut menerima tampuk kepimpinan Umno, parti teras BN, dan memangku jawatan presiden sehingga pemilihan parti itu tahun depan.

Peralihan pemegang teraju kerajaan dan parti daripada Dr Mahathir kepada Abdullah berjalan lancar, yang menjadi petanda kematangan politik.

MCA juga mengalami perubahan pucuk pimpinan apabila Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Lim Ah Lek serentak melepaskan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada 23 Mei bagi memberi laluan kepada muka baru.

Jawatan presiden diambilalih Datuk Seri Ong Ka Ting manakala Datuk Chan Kong Choy mengisi kekosongan kerusi timbalan presiden. Kedua-dua mereka sebelum itu adalah naib presiden MCA.

Bukan menjadi rahsia bahawa Dr Ling yang menerajui parti selama 17 tahun dan Lim telah merancang "persaraan serentak" itu bagi menyelesaikan pertikaian yang berlarutan tiga tahun antara "Kumpulan A" pimpinan Dr Ling dan "Kumpulan B" yang diketuai Lim.

Peralihan kuasa itu akhirnya berjalan lancar dan ia dilakukan dalam Tahun Kambing kalendar orang Cina.

Bagaimanapun keadaan sebaliknya terjadi dalam sebuah lagi parti komponen iaitu Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) apabila Datuk Amar Leo Moggie melepaskan jawatan presiden pada 25 Jun.

Parti berusia 20 tahun itu dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 5 Dis selepas gagal memberi jawapan memuaskan kepada surat tunjuk sebab yang diberikan oleh ROS.

Krisis dalaman parti itu bermula apabila Datuk Seri Daniel Tajem dan Datuk Seri Dr James Masing masing-masing mengisytiharkan diri sebagai pengganti Moggie.

ROS kemudian mengisytiharkan Tajem sebagai presiden sah parti itu selepas mendapati persidangan perwakilan tiga tahun parti itu yang diadakan di Bintulu oleh puak Masing pada 25 Julai sebagai tidak sah.

Majlis Tertinggi BN pada mesyuarat akan datang dijangka akan membincangkan kedudukan 14 bekas wakil rakyat PBDS.

Pada 5 Nov lepas, ROS turut membatalkan pendaftaran SNAP di Sarawak ekoran krisis dalam parti berusia 41 tahun itu.

Berikutan itu, bekas naib presidennya Datuk William Mawan menubuhkan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) yang diterima sebagai komponen BN pada Mei lepas.

Parti-parti komponen lain tidak mencuri tumpuan sepanjang tahun.

Barisan Nasional menyambut ulang tahun ke-50 perkongsian kuasa pada 20 Sept. BN kini mempunyai 13 anggota komponen dengan kemasukan SPDP dan tidak termasuk PBDS.

"Ia satu formula hebat perkongsian kuasa yang terjalin sehingga kini dan membawa kepada kemakmuran, kestabilan dan keamanan negara," kata presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Apabila memperkatakan tentang politik, persoalan utama yang bermain di

pemikiran ramai ialah bila pilihan raya umum akan diadakan kerana tempoh kerajaan sekarang akan berakhir pada 20 Dis tahun depan manakala pilihan raya negeri Sabah perlu diadakan sebelum 12 April depan.

Dalam barisan pembangkang, PAS mengumumkan dokumen Negara Islam yang bukan sahaja ditentang BN tetapi juga parti pembangkang DAP.

Pakatan antara parti-parti pembangkang yang dikenali sebagai Barisan Alternatif iaitu antara PAS, PRM dan Keadilan tidaklah sekukuh pakatan BN.

Perjuangan PRM dan Keadilan yang sedang dalam proses bergabung, tidak begitu mendapat sambutan rakyat.

Pembangkang dianggap oleh ramai pemerhati akan menghadapi kesukaran untuk berdepan dengan BN terutama dalam perebutan kerusi parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

JM MFJ MOZ